

NO SOALAN :45**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai, tempoh, cagaran dan jenis pinjaman yang telah diambil oleh 1MDB Real Estate Sdn. Bhd. termasuk anak-anak syarikatnya, Bandar Malaysia Sdn. Bhd. dan KLIFD Sdn. Bhd. Apakah nilai pelaburan terkini oleh 1MDB ke atas kedua-dua projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1MDB Real Estate Sdn Bhd ditubuhkan bagi menerajui projek jangka

panjang untuk merebut peluang pelaburan di dalam negeri dan antarabangsa bagi melabur dalam projek-projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Di antara pelaburan yang kini sedang dijalankan adalah Tun Razak Exchange atau TRX, dan Bandar Malaysia.

Jumlah pelaburan setakat ini untuk projek TRX dan Bandar Malaysia adalah RM4.0 bilion yang merangkumi kos tanah, perancangan dan pembangunan yang berkaitan.

Untuk membiayai pembangunan Bandar Malaysia, Bandar Malaysia Sdn. Bhd. telah menerbitkan Sekuriti Islam (“Sukuk”) berdasarkan prinsip murabahah dengan nilai nominal RM2.4 bilion. Sukuk ini mempunyai nilai perolehan RM1.5 bilion dan mempunyai tempoh kematangan antara tujuh hingga sepuluh tahun. Di samping itu, 1MDB Real Estate Sdn. Bhd. juga telah menerima pinjaman bertempoh atau “*term loan*” berjumlah RM800 juta selama 10 tahun. Pinjaman bertempoh ini telah dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

TRX mempunyai nilai pembangunan kasar atau *gross development value* (GDV) (dengan izin) sebanyak RM40 billion dengan jangka masa pembinaan selama 15 tahun serta mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa di rantau ini.

Projek Bandar Malaysia pula mempunyai GDV sebanyak RM150 bilion adalah projek pembangunan urban bersepadu bersaiz 495 ekar dan kini dalam peringkat memuktamadkan pelan induknya. Pembangunan Bandar Malaysia adalah komponen penting selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah Bandaraya global. Bandar Malaysia akan dibangunkan berlandaskan lima pemandu ekonomi utama, seperti pembangunan berorientasikan transit, perusahaan kreatif, hab perniagaan global, destinasi membeli belah dan industri pelancongan.